

**TALKING POINTS UCAPAN YBHG DATO' TPr.
FADLUN BIN MAK UJUD PRESIDEN PERBADANAN**

**SEMINAR PENGUKUHAN PEMATUHAN
KONTRAKTOR WILAYAH PERSEKUTUAN
PUTRAJAYA**

**PADA 2 NOVEMBER 2022 (RABU) DI THE EVERLY
HOTEL, WILAYAH PERSEKUTUAN PUTRAJAYA**

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh

Salam Sejahtera.

(Salutasi)

YBhg. Datuk Ir. Ahmad 'Asri Bin Abdul Hamid,
Ketua Eksekutif CIDB Malaysia

YBrs. Dr. Noriman B Rojulai,
Pengarah Pusat Khidmat Kontraktor

YBhg Dato' Hajah Hashimah Hashim,
Ketua Eksekutif Putrajaya Holdings

Puan Zainora Zainal
Pengarah CIDB W.P. Kuala Lumpur

YBhg. Datuk/ Datin/Tuan-Tuan/Puan-Puan dan Para Hadirin Sekalian,

Pertamanya saya memanjatkan setinggi kesyukuran ke hadrat Allah SWT kerana dengan izinNya jua dapat kita sama-sama berhimpun pada pagi ini.

Terlebih dahulu saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada **pihak penganjur, CIDB dan Pusat Khidmat Kontraktor (PKK)** kerana sudi menjemput saya selaku Presiden Perbadanan Putrajaya bagi merasmikan seminar pada pagi ini. Ribuan terima kasih juga diucapkan kepada semua kontraktor peserta seminar kerana dapat menghadirkan diri pada **Seminar Pengukuhan Pematuhan Kontraktor Wilayah Persekutuan Putrajaya.**

Para Hadirin Yang Dihormati,

Perbadanan Putrajaya sebagai pihak berkuasa tempatan di Putrajaya amat berbesar hati dan menyokong penuh usaha **CIDB dan Pusat Khidmat Kontraktor (PKK)** dalam memperkukuhkan pematuhan kontraktor dalam projek-projek

pembangunan dan kontrak-kontrak penyelenggaraan di Wilayah Persekutuan khususnya Putrajaya.

Setiap tahun Perbadanan Putrajaya akan mengeluarkan sekurang-kurangnya 70 tender dan sebut harga bagi kontrak penyelenggaraan mahupun projek pembangunan untuk kontraktor gred G1 hingga G7.

Selain daripada tender dan sebut harga, Perbadanan Putrajaya bermula pada tahun ini juga telah mengeluarkan kerja undi untuk kontraktor gred G1 yang bernilai RM100 ribu ke bawah. Ini selaras dengan hasrat kerajaan bagi membantu kontraktor gred G1 dalam merencanakan aktiviti ekonomi negara serta kesejahteraan rakyat seterusnya memberi peluang pekerjaan kepada kontraktor-kontraktor Putrajaya.

Oleh yang demikian besarlah harapan saya kepada semua kontraktor yang menghadiri seminar ini supaya dapat bersama-sama meningkatkan daya kerja dan mutu perkhidmatan serta memperkukuh pematuhan kerja dalam membangunkan Putrajaya sebagai Bandaraya Mampan Bertaraf Dunia selaras dengan objektif seminar ini.

Susulan daripada itu, Perbadanan Putrajaya telah merancang untuk memperkenalkan **Sistem Penilaian Skor (Score Assessment System)** kepada kontraktor yang telah melaksanakan kerja dengan Perbadanan Putrajaya. Diinspirasi berdasarkan konsep yang dipraktik oleh CIDB, **Sistem Penilaian Skor** ini merupakan satu penanda aras bertujuan untuk menilai prestasi kontraktor dari segi kemampuan pelaksanaan kerja di Putrajaya seiring dengan standard yang ditetapkan. Kaedah ini akan dijadikan asas dalam membuat pemilihan kontraktor yang lebih baik.

Akhir kata, saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada **pihak CIDB dan Pusat Khidmat Kontraktor (PKK)** atas jemputan sebagai rakan kerjasama **Seminar Pengukuhan Pematuhan Kontraktor Wilayah Persekutuan Putrajaya**. Saya berharap agar kerjasama yang terjalin ini tidak terhenti di sini sahaja, semoga ia akan berterusan pada masa akan datang.

Terima kasih juga diucapkan kepada semua kontraktor yang hadir pada pagi ini dan marilah kita semua bersama-sama membantu Perbadanan Putrajaya dalam mencapai kejayaan yang lebih cemerlang.

Dengan lafaz Bismillahirrahmannirahim, saya merasmikan
**Seminar Pengukuhan Pematuhan Kontraktor Wilayah
Persekutuan Putrajaya.**

Wabillahi Taufik Walhidayah Wassalamu'alaikum
Warahmatullahi Wabarakatuh.

Sekian, Terima kasih.